



<https://journal.unisza.edu.my/jimk>

**[MANIFESTATION OF INSANIAH KARAMAH AND ITS SPECIAL FEATURES
IN THE QUR'AN AL-KARIM]**

**MANIFESTASI KARAMAH INSANIAH DAN CIRI-CIRI KEISTIMEWAANNYA
DALAM AL-QURAN AL-KARIM**

SHARIFAH NORSHAH BANI SYED BIDIN^{1*}
AHMED S.A AL-QODSI¹

¹ Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin,
Kampus Gong Badak Kuala Terengganu, Malaysia.

*Corresponding author: sharifahns@unisza.edu.my

Received Date: 9 Januari 2015 • Accepted Date: 9 August 2015

Abstract

The principal of human dignity, that respects the dignity of humanity and human dignity is the main foundation of human rights. It is an indicator of the humanity that distinguishes it from all creatures. Human Rights in Islam refer to the set of Islamic laws aimed at preserving the betterment of human in accordance with the nature of humanity for noble survival. This article aims to discuss the whole spectrum of the principle of human dignity in al - Quran al - Karim and the uniqueness of these principles through descriptions of related selected Quranic verses. The main description of the fundamentals of human dignity in this article is extracted from Surah al - Isra ' , verse 70 based on document analysis, through the books of Quranic Exegesis and the references which are related to human rights in Islam. As a result, the study shows that the foundations of human dignity described in this paragraph are interrelated and complement each other. Manifestations of human rights through this human dignity principle are collected within five (5) items and its privileges declared in al - Quran al - Karim is also exposed to the five (5) items . This also shows a significant difference compared to the principles of human rights proclaimed in international law or other religions as Islam put the Human Dignity as the main foundation of human rights.

Keywords: Human Dignity, Human Rights, Rights in al - Quran al - Karim

Abstrak

Karamah insaniah, iaitu menghormati martabat keinsanan dan maruah manusia adalah merupakan asas utama dalam hak asasi manusia yang dititikberatkan dalam al-Quran al-Karim. Hak Asasi Manusia (HAM) dalam Islam merujuk kepada himpunan hukum-hukum syarak yang bertujuan untuk memelihara kemaslahatan manusia yang sesuai dengan sifat-sifat kemanusiaannya demi kelangsungan hidup yang mulia. Prinsip karamah insaniah merupakan indikator keinsanan manusia yang membedakannya daripada sekalian makhluk. Artikel ini bertujuan untuk membincangkan secara menyeluruh mengenai karamah insaniah dalam al-Quran al-Karim, dan ciri-ciri

keistimewaannya melalui analisis ayat-ayat terpilih yang berkaitan. Huraian utama mengenai asas-asas karamah insaniah oleh Allah s.w.t dalam artikel ini dicerakinkan daripada surah al-Isra', ayat 70 melalui analisis daripada kitab-kitab tafsir dan rujukan berkaitan HAM dalam Islam. Hasilnya, kajian mendapati bahawa asas-asas karamah insaniah yang dinyatakan dalam ayat ini adalah saling berkait dan melengkapi antara satu sama lain. Manifestasi prinsip karamah insaniah dalam al-Quran al-Karim ini terhimpun dalam lima (5) perkara, dan ciri-ciri keistimewaannya yang dinyatakan dalam al-Quran juga dapat dirumuskan kepada lima (5) perkara. Hal ini membuktikan bahawa prinsip hak-hak asasi manusia dalam Islam adalah yang perbezaannya yang ketara berbanding prinsip hak-hak asasi manusia yang dicanangkan dalam undang-undang antarabangsa mahupun agama lain. Ini kerana, Islam menjadikan karamah insaniah sebagai asas utama HAM.

Kata kunci: Karamah Insaniah, Hak Asasi Manusia, Hak Asasi dalam al-Quran al-Karim

Cite as: Sharifah Norshah Bani Syed Bidin & Ahmed S.A al-Qodsi. 2015. Manifestasi Karamah Insaniah dan Ciri-ciri Keistimewaannya dalam al-Quran al-Karim. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 11(1): 75-98.

PENGENALAN

Semenjak lebih 1400 tahun yang lalu, iaitu bermulanya Islam bertapak di bumi Makkah al-Mukarramah, karamah insaniah telah menjadi tonggak utama kepada kehidupan insan yang menatijahkan hak-hak seperti kemerdekaan jiwa dan jasad, juga kesamarataan sesama insan. Terdapat sepuluh (10) ayat dalam al-Quran al-Karim dari sembilan (9) surah yang menyebut secara langsung berkaitan penghormatan dan kemuliaan yang dikaitkan dengan manusia.¹ Kemuliaan yang dikaitkan dengan manusia bukan hanya terhad kepada sepuluh (10) ayat ini tetapi terdapat satu ayat lain yang ringkas tetapi menepati kecukupcukupan yang menunjukkan kelebihan yang dikurniakan oleh Allah s.w.t kepada manusia, iaitu dalam surah al-Tin, ayat 4:

لَقَدْ خَلَقْنَا الْإِنْسَانَ فِي أَحْسَنِ تَقْوِيمٍ ،

Terjemahan: (Pada hakikatnya) Kami telah mencipta manusia dengan sebaik-baik kejadian.

Dari sudut tatabahasa Arab kalimah **لَقَدْ** dalam ayat di atas adalah menunjukkan penegasan, iaitu huruf lam adalah merupakan predikat kepada lafaz sumpah (qasam). Kesemua yang disebut oleh Allah s.w.t. ada kepentingan dan kelebihannya yang tersendiri sebagaimana yang dinukilkan oleh para mufassirin dalam ayat di atas, Allah s.w.t bersumpah dengan menggunakan kalimah buah Tin dan zaitun adalah kerana ia merupakan jenis buah-buahan yang mempunyai banyak manfaat, terhimpun padanya tiga perkara; makanan, buah -buahan dan penawar penyakit. Manakala Tur Sina' pula adalah merupakan bukit yang menjadi tempat Allah s.w.t berbicara dengan Nabi Musa secara langsung. Al-Balad al-Amin pula merujuk kepada Mekah al-Mukarramah yang dimuliakan oleh Allah s.w.t dengan Kaabah yang menjadi kiblat seluruh umat Islam. Justeru, dalam ayat berikutnya Allah s.w.t. menegaskan tentang kesempurnaan kejadian manusia yang merupakan makhluk yang paling istimewa berbanding kesemua makhluknya yang dinyatakan dalam ketiga-tiga ayat sebelumnya. Hal ini

menunjukkan bahawa meskipun makhluk lain diciptakan oleh Allah mempunyai kelebihan, namun ia tidak dapat menandingi kelebihan yang ada pada manusia.

Seiring kesempurnaan penciptaan manusia, Allah s.w.t telah meletakkan tatacara yang boleh memelihara kehormatan dan kemuliaan manusia, iaitu dengan menetapkan hak-hak yang wajib ditunaikan oleh setiap individu. Bahkan, dalam sesetengah perkara tatacara hubungan sesama insan merupakan syarat untuk meraih kejayaan hubungannya dengan Allah s.w.t. Keindahan prinsip karamah insaniah ini juga terzhahir dari penghormatan dan kemuliaan yang harus diberi dan diterima oleh setiap manusia; muslim dan non muslim tidak hanya sewaktu hidup bahkan selepas meninggal dunia, tidak terbatas pada waktu aman bahkan meliputi waktu perang (al-Zuhaily, t.th).

Keindahan ini kita boleh saksikan dalam banyak ayat dan riwayat. Lihat sahaja bagaimana Rasulullah s.a.w dan para sahabat menyantuni tawanan perang yang pertama dalam Islam, iaitu Perang Badar yang berlaku pada tahun 624 Masehi. Seramai 70 orang tawanan perang dibebaskan dengan pilihan untuk memeluk Islam, atau membayar wang tebusan bagi yang berkemampuan atau mereka diminta mengajarkan sepuluh (10) orang anak orang Islam membaca dan menulis (al-Khudari, 1988). Walhal dalam keadaan musuh sudah berada dalam tawanan dan Islam telah menjulang kemenangan, tidak ada suatu pun yang boleh menghalang Rasulullah s.a.w. dan para sahabat dari membalasi mereka dengan kekerasan. Namun, pemeliharaan prinsip karamah insaniah tetap menjadi kunci yang menjadikan Islam dan umatnya mulia berbanding agama dan penganut lain. Satu riwayat lain boleh menjelaskan lagi prinsip karamah insaniah ini, iaitu yang paling jelas adalah dalam satu peristiwa yang memperihalkan Rasulullah bangun berdiri menghormati jenazah orang kafir yang melintasi baginda. Sahabat mengatakan kepada beliau. Jenazah itu hanyalah jenazah seorang Yahudi. Baginda lantas menjawab; bukankah dia juga seorang manusia? (al-Bukhari, 1999).

Oleh itu, jelas bahawa karamah insaniah adalah suatu perkara yang dititikberatkan oleh Islam. Asas-asas karamah insaniah dalam artikel ini dianalisis daripada surah al-Isra', ayat 70. Firman Allah s.w.t:

﴿وَلَقَدْ كَرَّمْنَا بَنِي آدَمَ وَحَمَلْنَاهُمْ فِي الْبَرِّ وَالْبَحْرِ وَرَزَقْنَاهُمْ مِنَ الطَّيِّبَاتِ وَفَضَّلْنَاهُمْ عَلَى كَثِيرٍ مِمَّنْ خَلَقْنَا تَفْضِيلًا ۝ ٧٠﴾

Terjemahannya: Dan sesungguhnya Kami telah muliakan anak-anak Adam; dan Kami telah beri mereka menggunakan berbagai-bagai kenderaan di darat dan di laut; dan Kami telah berikan rezeki kepada mereka dari benda-benda yang baik-baik serta Kami telah lebihkan mereka dengan selebih-lebihnya atas banyak makhluk-makhluk yang telah Kami ciptakan. (Surah al-Sira 17: 70).

Selain itu, beberapa ayat lain yang berkaitan juga dianalisis bagi menzhahirkan contoh-contoh karamah insaniah yang dinyatakan oleh Allah s.w.t dalam al-Qur'an. Prinsip karamah insaniah ini membuktikan kesyumulan syariat Islam yang memelihara dan menjaga HAM manusia dalam setiap masa, keadaan dan tempat.

ASAS-ASAS KARAMAH INSANIAH DALAM AL-QURAN AL-KARIM

Karamah insaniah dalam al-Quran al-Karim merujuk kepada himpunan hukum-hukum yang dipetik dari pengajaran al-Quran al-Karim dan penjelasan mengenai pemeliharaan dan jaminan kepentingan, kemuliaan dan kebebasan jiwa dan jasad manusia dari sebarang perkara yang boleh menjatuhkannya kepada kehinaan. Al-Quran al-Karim telah memupuk rasa kehormatan dan kemuliaan dalam jiwa manusia melalui surah al-Isra', ayat 70. Dalam ayat ini, penghormatan dan kemuliaan yang diberikan oleh Allah s.w.t. kepada setiap anak Adam; muslim dan non muslim dan manusia juga diberi kelebihan berbanding makhluk lain. Dijelaskan juga contoh penghormatan dan kemuliaan tersebut melalui kemudahan pengangkutan di daratan dan lautan, seterusnya mengurniakan rezeki yang baik untuk mereka. Dalam membahaskan mengenai karamah insaniah, lafaz yang digunakan dalam al-Quran al-Karim iaitu **كرما** sudah dapat memberi gambaran bahawa lafaz inilah yang menjadi kunci pembinaan harga diri (self-esteem) manusia. Menurut al-Shawkani dalam tafsirnya Fath al-Qadir, lafaz ringkas padat (ijmal) ini bermaksud bahawa Allah memuliakan setiap anak Adam kesemuanya. Prinsip kemuliaan ini meliputi struktur jasad manusia yang cantik dengan makanan, minuman, pakaian dan cara mengurus diri yang ternyata berbeza dengan segala jenis haiwan yang ada di muka bumi ini. Lebih menguntungkan, manusia itu dikurniakan Allah s.w.t. kelebihan melalui akal dan daya cerap, kebolehan bertutur serta ditundukkan segala makhluk lain agar dapat digunakan dan dimanfaatkan oleh manusia (al-Shawkani, 1994).

Kelebihan akal budi yang dikurniakan kepada manusia ini juga turut disentuh oleh al-Qurtubi dalam mentafsirkan ayat ini. Beliau mengatakan bahawa akal adalah tonggak kebertanggungjawabannya terhadap pelaksanaan syariat (taklif). Dengan akal, manusia mampu mengenal dan memahami kalam Allah s.w.t, mengenal syurga dan beriman kepada para rasul. Cuma, apabila manusia itu tidak melaksanakan sepenuhnya tanggungjawab sebagai hamba, maka diutuskan rasul sebagai pembimbing dan kitab sebagai panduan. Kemuliaan kurniaan Allah ini berterusan hingga hari kiamat dan hanya khusus buat manusia. Asasnya, kemuliaan ini selari dengan tabi'i risalah Islam yang ditujukan kepada semua manusia kerana Islam itu adalah agama yang bersifat global insani; iaitu risalah penutup kepada sekalian manusia sehingga hari Kiamat (al-Qurtubi, t.th). Manakala al-Razi pula mengaitkan karamah insaniah ini dengan kurniaan Allah s.w.t terhadap jiwa manusia dengan menyebut bahawa jiwa manusia adalah merupakan jiwa yang paling mulia yang terdapat dalam alam ini (al-Razi, 2002).

Ibn Kathir dalam kitabnya menjelaskan bahawa Allah s.w.t. memuliakan manusia dengan memberi kemudahan kepada mereka untuk kegunaan dalam kehidupan iaitu dijadikan kenderaan untuk manusia menggunakannya di daratan yang terdiri daripada haiwan-haiwan ternakan, kuda dan keldai. Di samping itu dijadikan juga kenderaan untuk manusia menggunakannya di lautan seperti kapal-kapal dan sampan (Ibn Kathir, 2002). Dalam kaitan ini, al-Zuhaily menyatakan bahawa antara nikmat dan rahmat Allah s.w.t kepada manusia adalah Dia menyelamatkan manusia daripada gelombang dan bahaya yang terdapat di lautan (al-Zuhaily, t.th). Allah s.w.t. memuliakan manusia dengan menjadikan segala yang ada di daratan dan lautan dapat dimanfaatkan oleh manusia, menjadikannya selari dengan tabiat semula jadinya. Jika tanpa kelebihan yang dikurniakan Allah s.w.t kepada mereka, nescaya kehidupan ini tidak akan dapat dibangunkan oleh manusia itu lantaran kenaifan manusia dibandingkan dengan segala yang ada di lautan dan di daratan (Anwar al-Baz, 2007).

Contoh penghormatan dan kemuliaan yang diberikan oleh Allah s.w.t kepada manusia yang dinyatakan dalam ayat tersebut juga dalam aspek kurniaan rezeki yang baik iaitu yang terdiri daripada makanan yang pelbagai jenis dan warna, juga pakaian yang bersesuaian dengan tempat dan musim (Ibn Kathir, t.th). Oleh kerana kebiasaan, manusia mungkin lupa tentang kurniaan rezeki yang baik dari Allah s.w.t ini, dan mereka hanya akan menyedari bahawa kurniaan ini adalah antara nikmat terbesar kepada manusia apabila mereka tidak lagi boleh mengecapinya (Anuar al-Baz, t.th).

Justeru, ayat 70 dari surah al-Isra' sudah memadai untuk menjelaskan secara ringkas tetapi signifikan tentang asas-asas karamah insaniah atau kelebihan dan penghormatan yang dikurniakan oleh Allah s.w.t kepada anak Adam, iaitu penghormatan secara umum, memudahkan bagi anak Adam menggunakan kenderaan di lautan dan daratan, mengurniakan rezeki yang baik dan memberi keistimewaan khusus kepada anak Adam berbanding makhluk lain. Al-Qaradawi berkata: Allah tidak hanya memuliakan Nabi Adam a.s., tetapi memuliakan manusia keseluruhannya (al-Qaradawi, 1983). Sifat-sifat dan kelebihan inilah yang membezakan manusia daripada segala makhluk yang lain, yang melayakkan mereka itu memakmurkan muka bumi ini seterusnya menerima ganjaran daripada Allah s.w.t. atas segala amal baik yang dilakukan.

MANIFESTASI PRINSIP KARAMAH INSANIAH DALAM AL-QURAN AL-KARIM

Islam adalah perintis dalam membicarakan dan memelihara HAM dan ia telah pun bermula semenjak wujudnya manusia di muka bumi kerana HAM itu adalah semua hak yang berkaitan dengan manusia dan tidak terpisah daripadanya. Hal ini dibuktikan dengan Islam mengiktiraf dan membimbing manusia ke arah kesamarataan dan keadilan, menjauhi permusuhan, penindasan dan kezaliman. Ringkasnya, Islam menetapkan hak-hak yang berkaitan dengan segala aspek kehidupan manusia, iaitu hak Allah, hak manusia dan gabungan antara hak Allah dan hak manusia. Al-Qaradawi telah membincangkan perkara ini di dalam kitabnya, *Kayf Nata`amal ma`a al-Quran al-`Azim* dan menyatakan bahawa maqasid al-Qur'an jelas menyeru dan memberi perhatian terhadap pemeliharaan karamah insaniah, dan ia terhimpun dalam tiga perkara, perakuan terhadap karamah insaniah, perakuan terhadap hak-hak asasi manusia dan penegasan terhadap hak-hak golongan yang lemah.¹⁵ Al-Quran al-Karim telah membicarakan mengenai prinsip kemuliaan dan penghormatan manusia (karamah insaniah) ini dalam beberapa surah bersesuaian dengan kedudukan dan fungsi manusia dalam memakmurkan alam ini mengikut petunjuk dan bimbingan yang ditetapkan oleh Allah s.w.t. tanpa mengurangkan hak setiap yang berhak mendapatkannya. Manifestasi HAM dalam al-Quran al-Karim melalui prinsip karamah insaniah ini dapat diperincikan sebagaimana berikut:

i. Asal-usul Kejadian dan Kedudukan Manusia Sebagai Khalifah

Islam mengiktiraf bahawa manusia itu berasal dari induk yang sama, iaitu Nabi Adam a.s.. Surah al-Nisa, ayat 1 secara jelas membuktikan perkara ini. Firman Allah s.w.t.:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ اتَّقُوا رَبَّكُمُ الَّذِي خَلَقَكُمْ مِنْ نَفْسٍ وَاحِدَةٍ وَخَلَقَ مِنْهَا زَوْجَهَا وَبَثَّ مِنْهُمَا رِجَالًا كَثِيرًا وَنِسَاءً
وَاتَّقُوا اللَّهَ الَّذِي تَسَاءَلُونَ بِهِ وَالْأَرْحَامَ إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلَيْكُمْ رَقِيبًا ۝١

Terjemahan: Wahai sekalian manusia! bertaqwalah kepada Tuhan kamu yang telah menjadikan kamu (bermula) dari diri yang satu (Adam), dan yang menjadikan daripada (Adam) itu pasangannya (isterinya - Hawa), dan juga yang membiakkan dari keduanya - zuriat keturunan - lelaki dan perempuan yang ramai. dan bertaqwalah kepada Allah Yang kamu selalu meminta dengan menyebut-yebut namaNya, serta peliharalah hubungan (silaturahmi) kaum kerabat; kerana sesungguhnya Allah sentiasa memerhati (mengawas) kamu.

Al-Qurtubi mentafsirkan kalimah “نفس واحدة” dalam ayat 1, surah al-Nisa’ sebagai Nabi Adam a.s. Manakala kata seruan yang ditujukan kepada semua manusia dalam ayat tersebut “يَا أَيُّهَا النَّاسُ” adalah meliputi semua manusia supaya mereka sedar bahawa Allah yang menjadikan mereka dari jiwa yang satu, hingga menjadikan mereka dapat membuang segala rasa perbezaan sesama insan. Perkara ini ditegaskan lagi dengan suruhan Allah s.w.t dalam surah al-Baqarah, ayat 4 sebagaimana berikut:

وَالَّذِينَ يُؤْمِنُونَ بِمَا أُنزِلَ إِلَيْكَ وَمَا أُنزِلَ مِنْ قَبْلِكَ وَبِالْآخِرَةِ هُمْ يُوقِنُونَ ۝٤

Terjemahan: Wahai sekalian manusia! Beribadatlah kepada Tuhan kamu yang telah menciptakan kamu dan orang-orang yang terdahulu daripada kamu, supaya kamu (menjadi orang-orang yang) bertaqwa.

Kesedaran terhadap asal-usul ini juga menjadikan manusia itu dapat menjauhkan unsur-unsur permusuhan, juga mengingatkan mereka akan fungsi sebenar mereka sebagai khalifah di muka bumi sebagaimana yang dinyatakan dalam surah al-Baqarah, ayat 30:

وَإِذْ قَالَ رَبُّكَ لِلْمَلَائِكَةِ إِنِّي جَاعِلٌ فِي الْأَرْضِ خَلِيفَةً قَالُوا أَتَجْعَلُ فِيهَا مَنْ يُفْسِدُ فِيهَا وَيَسْفِكُ الدِّمَاءَ وَنَحْنُ نُسَبِّحُ بِحَمْدِكَ وَنُقَدِّسُ لَكَ قَالَ إِنِّي أَعْلَمُ مَا لَا تَعْلَمُونَ ۝٣٠

Terjemahannya: Dan (ingatlah) ketika Tuhanmu berfirman kepada Malaikat; "Sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang khalifah di bumi". mereka bertanya (tentang hikmat ketetapan Tuhan itu dengan berkata): "Adakah Engkau (Ya Tuhan kami) hendak menjadikan di bumi itu orang yang akan membuat bencana dan menumpahkan darah (berbunuh-bunuhan), padahal Kami sentiasa bertasbih dengan memujiMu dan mensucikanMu?". Tuhan berfirman: "Sesungguhnya Aku mengetahui akan apa yang kamu tidak mengetahuinya.

Jika diteliti kisah penciptaan Adam a.s., jelas menunjukkan bahawa Allah s.w.t telah memberi kelebihan kepada manusia berasaskan pertanyaan yang diajukan oleh malaikat ketika Allah s.w.t mengisytiharkan kepada khalayak malaikat bahawa Dia hendak menciptakan

manusia untuk menjadi khalifah di muka bumi. Al-Zuhaily mentafsirkan ayat tersebut dengan terperinci dan menjelaskan bahawa kelebihan yang dikurniakan oleh Allah kepada Nabi Adam a.s. iaitu dapat memberitahu nama-nama ciptaan Allah yang lain sebagaimana yang diajarkan kepadanya dapat menunjukkan bahawa Nabi Adam a.s. dilebihkan daripada para malaikat dan dipilih untuk menjadi khalifah, dengan diajar sesuatu yang tidak diajar kepada malaikat, justeru, mereka tidak boleh terbang ke atas Adam a.s. (al-Zuhaily, 2000).

Manakala firman Allah dalam surah al-Ahzab, ayat 72 juga menceritakan kelebihan manusia yang sanggup memikul amanah yang dipertanggungjawabkan kepada mereka. Meskipun makhluk lain seperti langit, bumi, gunung tidak sanggup memikulnya, tetapi manusia dengan segala kelebihan dan persediaan yang dikurniakan oleh Allah s.w.t kepada mereka sanggup memikul tanggungjawab berat ini dan bersedia melaksanakannya sebagaimana yang telah ditetapkan oleh Allah s.w.t.

إِنَّا عَرَضْنَا الْأَمَانَةَ عَلَى السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَالْجِبَالِ فَأَبَيْنَ أَنْ يَحْمِلْنَهَا وَأَشْفَقْنَ مِنْهَا وَحَمَلَهَا الْإِنْسَانُ إِنَّهُ كَانَ ظَلُومًا جَهُولًا ۝

Terjemahannya: Sesungguhnya Kami telah kemukakan tanggungjawab amanah (Kami) kepada langit dan bumi serta gunung-ganang (untuk memikulnya), maka mereka enggan memikulnya dan bimbang tidak dapat menyempurnakannya (kerana tidak ada pada mereka persediaan untuk memikulnya); dan (pada ketika itu) manusia (dengan persediaan yang ada padanya) sanggup memikulnya. (ingatlah) Sesungguhnya tabiat kebanyakan manusia adalah suka melakukan kezaliman dan suka pula membuat perkara-perkara yang tidak patut dikerjakan.

Ibn `Abbas menyatakan bahawa: maksud amanah ialah ketaatan dan kefardhuan (yang dituntut oleh Allah kepada makhlukNya untuk dilaksanakan), telah dibentangkan kepada langit, bumi dan gunung ganang sebelum dibentangkan kepada Nabi Adam a.s.. Tetapi mereka tidak berkesanggupan untuk menerima amanah tersebut. Allah s.w.t. telah berkata kepada Nabi Adam a.s. : Sesungguhnya Aku telah memberi tawaran untuk memikul amanah kepada langit, bumi dan gunung ganang, tetapi mereka tidak berkesanggupan untuk menerima amanah tersebut, adakah kamu berkesanggupan menerimanya? Nabi Adam a.s. bertanya: Apakah yang terkandung dalam amanah tersebut? Allah s.w.t menjawab: Sekiranya kamu melakukan kebaikan maka kamu akan diganjar dengan kebaikan, dan sekiranya kamu melakukan kejahatan kamu akan dibalas. Lalu Nabi Adam a.s bersetuju untuk mengambil dan memikul amanah tersebut. Demikianlah yang disifatkan oleh Allah s.w.t yang bermaksud: “dan (pada ketika itu) manusia (dengan persediaan yang ada padanya) sanggup memikulnya. (ingatlah) Sesungguhnya tabiat kebanyakan manusia adalah suka melakukan kezaliman dan suka pula membuat perkara-perkara yang tidak patut dikerjakan” (AL-Zuhaily, t.th).

Dalam hal ini, al-Qurtubi menjelaskan bahawa amanah yang dibentangkan oleh Allah s.w.t kepada langit, bumi dan bukit bukau, sekiranya mereka melaksanakannya mereka akan diganjar, sekiranya mereka mengabaikannya mereka akan diazab, lalu kesemuanya enggan menerima amanah tersebut kerana bimbang tidak dapat menunaikan kefardhuan yang diamanahkan kepada mereka, kemudian diberi pula tawaran berkenaan kepada Nabi Adam a.s.

dan Baginda menerimanya, justeru jelas bahawa Islam memuliakan semua individu manusia (al-Qurtubi, t.th).

Khilafah manusia di muka bumi ini memerlukan usaha ikhtiar mereka untuk menjayakannya, juga berpegang teguh kepada manhaj yang telah Allah s.w.t tetapkan agar beriman, beribadah dan menjaga akhlak, kerana dengan cara itu sahaja akan tertunai khilafahnya secara sempurna di muka bumi ini (al-Zuhaily, 1997). Firman Allah dalam surah al-Nur, ayat 55:

وَعَدَ اللَّهُ الَّذِينَ ءَامَنُوا مِنكُمْ وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ لَيَسْتَخْلِفَنَّهُمْ فِي الْأَرْضِ كَمَا اسْتَخْلَفَ الَّذِينَ مِن قَبْلِهِمْ
وَلَيُمَكِّنَنَّ لَهُمْ دِينَهُمُ الَّذِي ارْتَضَىٰ لَهُمْ وَلَيُبَدِّلَنَّهُم مِّن بَعْدِ خَوْفِهِمْ أَمْنًا يَعْبُدُونَنِي لَا يُشْرِكُونَ بِي شَيْءًا وَمَن
كَفَرَ بَعْدَ ذَلِكَ فَأُولَٰئِكَ هُمُ الْفَاسِقُونَ ۝

Terjemahannya: Allah menjanjikan orang-orang yang beriman dan beramal salih di antara kamu(wahai umat Muhammad): bahawa ia akan menjadikan mereka khalifah-khalifah yang memegang kuasa pemerintahan di bumi, sebagaimana ia telah menjadikan orang-orang yang sebelum mereka: khalifah-khalifah yang berkuasa; dan ia akan menguatkan dan mengembangkan agama mereka (agama Islam) yang telah diredhainya untuk mereka; dan ia juga akan menggantikan bagi mereka keamanan setelah mereka mengalami ketakutan(dari ancaman musuh), mereka terus beribadah kepadaKu dengan tidak mempersekutukan sesuatu yang lain denganKu dan (ingatlah!)sesiapa yang kufur ingkar sesudah itu, maka mereka itulah orang-orang yang fasik.

Pemilihan manusia sebagai khalifah untuk memerintah bumi menunjukkan bahawa karamah insaniah itu diiktiraf dalam Islam, malah Islam mempunyai teori khusus berkaitan karamah insaniah, ciri-ciri dan kekuatannya yang tersendiri yang membolehkan manusia melaksanakan karamah kepada anak Adam (Muhammad Salih, 2002).

ii. Penciptaan Manusia sebagai Makhluk Terbaik

Islam mengiktiraf manusia sebagai makhluk terbaik dan mengutamakan ke atas semua makhluk yang lain sebagaimana yang dijelaskan dalam surah al-Isra', ayat 70. Allah s.w.t telah memilih mereka untuk memikul amanah untuk menjadi makhluk terbaik (al-Zihar, 1975) Amanah itulah yang membezakannya dengan segala makhluk, dengannya mereka dilantik sebagai khalifah dan diberi kebebasan. Oleh itu, Islam memberi penekanan berkenaan memuliakan semua individu manusia kerana kedua-dua unsur ini, iaitu kemuliaan dan kebebasan adalah merupakan hak semula jadi manusia kerana ia seolah-olah wahana untuk merealisasikan tugas manusia sebagai khalifah (Hasanany Ali, 1975).

Justeru, jelas bahawa prinsip karamah insaniah adalah merupakan salah satu bentuk kemuliaan yang diberikan oleh Allah s.w.t kepada manusia, supaya manusia itu menyedari kemuliaannya, lantaran karamah insaniah adalah merupakan inti pati kemanusiaannya, bahawa bangsa manusia itu berhak untuk hidup dan dimuliakan. Semesta alam ini juga dipermudahkan Allah untuk digunakan oleh manusia, sebagai penghormatan dan kemuliaan daripada Allah

s.w.t kepada makhlukNya yang bernama manusia.

Islam senantiasa berusaha untuk merealisasikan prinsip karamah insaniah ini sama ada secara maknawi atau material, sosial dan politik sehingga jelas terpapar nikmat Allah s.w.t kepada manusia dari segenap aspek (Uthman Muhammad Fathi, 1983). Al-Syahid Syed Qutb dalam hal ini telah menyebut tentang prinsip karamah insaniah dalam ayat 70, surah al-Isra' sebagai berkata: "Bahawa sanya Allah s.w.t menjadikan makhluk manusia daripada sekalian makhlukNya yang lain dan Allah memuliakannya dengan rupa keadaannya yang sedemikian rupa, juga dengan fitrah yang terdiri dari campuran tanah dan ruh, Allah memuliakan dengan ditundukkan semesta kepadanya. Allah s.w.t juga memuliakan manusia dengan kemewahan yang diterima oleh semua makhluk yang wujud, perarakan yang mana para malaikat bersujud kepadanya, Allah mengisytiharkan bahawa Dia memuliakan manusia, dan melebihkan manusia itu dengan pelantikan sebagai khalifah, antara bentuk memuliakan itu adalah dengan menjadikan manusia itu bertanggungjawab terhadap dirinya, juga dipertanggungjawabkan terhadap amalan yang dilakukan, maka inilah sifat pertama yang menjadikan manusia itu manusia (Qutb Sayyid, 1999).

iii. Pemilihan Manusia Sebagai Penyampai Risalah Islam

Islam mengiktiraf fungsi diutuskan rasul dalam firman Allah surah al-Nisa', ayat 165:

رُسُلًا مُّبَشِّرِينَ وَمُنذِرِينَ لِئَلَّا يَكُونَ لِلنَّاسِ عَلَى اللَّهِ حُجَّةٌ بَعْدَ الرُّسُلِ ۗ وَكَانَ اللَّهُ عَزِيزًا حَكِيمًا ۝١٦٥

Terjemahannya: Rasul-rasul (yang Kami telah utuskan itu semuanya) pembawa khabar gembira (kepada orang-orang Yang beriman), dan pembawa amaran (kepada orang-orang yang kafir dan yang berbuat maksiat), supaya tidak ada bagi manusia sesuatu hujah (atau sebarang alasan untuk berdalih pada hari kiamat kelak) terhadap Allah sesudah mengutuskan Rasul-rasul itu. dan (ingatlah) Allah Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana.

إن هذا القرآن يهدي للتي هي أقوم ويبشر المؤمنين يعملون الصلحت أن لهم أجرا كبيرا

Terjemahannya: Sesungguhnya Al-Quran al-Karim ini memberi petunjuk ke jalan yang amat betul (ugama Islam), dan memberikan berita yang mengembirakan orang-orang yang beriman yang mengerjakan amal-amal soleh, bahawa mereka beroleh pahala yang besar.

Tujuan al-Quran al-Karim menceritakan tentang pengutusan Rasul adalah untuk merealisasikan masalah hamba Allah, sebagaimana yang dinyatakan oleh al-Qurtubi dalam kitab tafsirnya bahawa pada pensyariatannya itu ada kebaikan (untuk manusia) dan bukan keburukan (al-Qurtubi, t.th). Ibn Amir al-Haj menyebut bahawa hukum-hukum yang ditetapkan oleh Allah s.w.t adalah bertujuan untuk menjaga kebaikan hambaNya sebagaimana dinyatakan oleh Allah s.w.t dalam surah Ali Imran, ayat 4 yang menyatakan tentang justifikasi disyariatkan tatacara interaksi semasa insan dan hukuman bagi pelaku jenayah. Ia juga adalah untuk tujuan beribadah kepada Allah s.w.t, lantaran ibadah itu adalah segala yang disukai oleh Allah s.w.t sama ada perkataan

dan perbuatan zahir dan batin, ia adalah merupakan kemuncak kewujudan manusia di muka bumi ini, sebagaimana firman Nya dalam surah al-Zariyat, ayat 56.

وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّ وَالْإِنْسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ ٥٦

Terjemahannya: Dan (ingatlah) Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk mereka menyembah dan beribadat kepadaKu.

Selain itu, al-Qurtubi juga telah mentafsirkan ayat berkenaan dengan mengatakan bahawa : Tidak aku ciptakan orang-orang yang bahagia (ahl al-sa`adah) dari kalangan jin dan manusia melainkan untuk mentauhidkan Allah s.w.t. Manakala al-Qusyairi pula berkata : Bahawa ayat ini menunjukkan pengkhususan yang tekal, kerana orang-orang gila dan kanak-kanak adalah terkecuali dari perintah supaya beribadah. Saidina Ali k.w. pula mengatakan ia bermaksud tidak aku ciptakan jin dan manusia melainkan untuk diperintahkan supaya beribadah kepadaNya. Dikatakan bahawa: maksud “إلا ليعبدون” adalah “melainkan untuk mengakui kepada Ku dengan beribadah sama ada secara sukarela atau paksa. Diriwayatkan maksudnya oleh Ali bin Abi Talhah dari Ibn Abbas dan Mujahid: melainkan untuk mengenalKu, melainkan untuk Aku perintahkan mereka dan larang mereka. Dari al-Kalbi pula: melainkan untuk mereka mentauhidkan, adapun orang mukmin akan mentauhidkan Allah pada masa susah dan senang, adapun orang kafir maka mereka itu mentauhidkan Allah pada masa susah sahaja. Berkata `Ikrimah: melainkan untuk mereka menyembah dan mentaati, maka orang yang taat akan diganjar dan orang yang ingkar akan dibalas (al-Qurtubi, t.th).

Dalam Islam, manusia adalah hamba Allah. Apabila seseorang hamba menyembah selain daripada Allah maka dia telah menjadi hamba kepada sesuatu yang sepatutnya dia menjadi tuan kepadanya. Jika berlaku sedemikian maka akan berlaku kecacatan pada aturan yang sepatutnya diikuti oleh manusia, maka akan menukarkan kedudukannya daripada mulia kepada hina (al-Ghamidi, 2000).

Beriman kepada Allah s.w.t memperkukuhkan lagi kemuliaan dan melahirkan ketenangan hati, berdasarkan firman Allah dalam surah al-Ra`d, ayat 28,

﴿الَّذِينَ ءَامَنُوا وَتَطْمَئِنُّ قُلُوبُهُمْ بِذِكْرِ اللَّهِ أَلَا بِذِكْرِ اللَّهِ تَطْمَئِنُّ الْقُلُوبُ﴾ (٢٨)

Terjemahannya: (Iaitu) orang-orang yang beriman dan tenang tenteram hati mereka dengan zikrullah". Ketahuilah dengan "zikrullah" itu, tenang tenteramlah hati manusia.

Al-Qurtubi mentafsirkan ayat ini sebagai berkata: Hati manusia akan jinak dan tenang dengan mentauhidkan Allah dan akan merasa tenang apabila melazimi zikrullah dengan lisan mereka. Dikatakan (bi dhikrillah) maksudnya mereka mengingati Allah dan memerhatikan tanda-tanda kebesaranNya dan mengetahui kesempurnaan kuasaNya melalui mata hati (ala bidhikrillahi tatma`inn al-qulub) iaitu hati orang-orang mukmin.²⁸ Al-Quran al-Karim merakamkan bahawa iman merupakan gandingan yang kuat untuk merealisasikan karamah insaniah, sebagaimana

yang dinyatakan dalam firman Allah surah al-An`am, ayat 82:

﴿الَّذِينَ ءَامَنُوا وَلَمْ يَلْبِسُوا إِيمَانَهُمْ بِظُلْمٍ أُولَٰئِكَ لَهُمُ الْأَمْنُ وَهُمْ مُّهْتَدُونَ ﴿٨٢﴾﴾

Terjemahannya: Orang-orang yang beriman dan tidak mencampur adukkan iman mereka dengan kezaliman (syirik), mereka itulah orang-orang yang mendapat keamanan dan merekalah orang-orang Yang mendapat hidayah petunjuk.

Ini adalah kerana iman menyumbang kepada pelaksanaan karamah insaniah dan orang mukmin tidak akan merasa takut, bahkan ketiadaan iman atau melupakannya akan menyebabkan manusia akan merasa dirinya terpinggir. Maka perasaan itu akan membawa kepada kerendahan dan kehinaan. Sedangkan kepercayaan bahawa Allah s.w.t memuliakan manusia akan meningkatkan 'self esteem' rasa percaya kepada diri sendiri dan akan menyebabkan mereka dapat memberi tumpuan kepada perkara-perkara utama dalam hidup dan menjauhi perkara remeh temeh.

iv. Malaikat Bersujud Kepada Adam dan Pemanfaatan Seluruh Alam Kepadanya

Allah s.w.t telah memuliakan manusia dengan peniupan roh. Oleh kerana itulah para malaikat tunduk hormat kepadanya apabila diperintahkan oleh Allah s.w.t. Hal ini diceritakan oleh Allah s.w.t dalam surah Sad, ayat 72.

﴿فَإِذَا سَوَّيْتُهُ وَنَفَخْتُ فِيهِ مِنْ رُوحِي فَقَعُوا لَهُ سَاجِدِينَ ﴿٧٢﴾﴾

Terjemahannya: "Kemudian apabila Aku sempurnakan kejadiannya, serta Aku tiupkan padanya roh dari (ciptaan) Ku, maka hendaklah kamu sujud kepadanya".

Al-Qurtubi telah mentafsirkan ayat ini: Sesungguhnya malaikat apabila mereka diagungkan dengan tasbih dan taqdis mereka kepada Allah s.w.t., maka Allah s.w.t memerintahkan para malaikat bersujud kepada selain daripadaNya untuk menunjukkan bahawa Allah s.w.t tidak memerlukan kepada para malaikat tersebut dan juga ibadah mereka. Dikatakan: mereka (para malaikat) memperkecilkan Adam a.s. sedangkan mereka tidak mengetahui keunikan yang Allah ciptakan, lalu Allah s.w.t. perintahkan para malaikat bersujud kepada Nabi Adam a.s. sebagai memuliakannya, diandaikan juga bahawa Allah s.w.t. memerintahkan mereka supaya bersujud kepada Nabi Adam a.s. sebagai hukuman kepada mereka yang seolah mempertikaikan tujuan penciptaan Nabi Adam a.s. melalui kata-kata mereka yang diceritakan oleh Allah s.w.t dalam firmanNya :

اتجل فيها من يفسد فيها

Apabila diberitahu oleh Allah s.w.t. bahawa Dia akan menciptakan Nabi Adam a.s. melalui firmanNya:

إني جاعل في الارض خليفة

Allah Maha Mengetahui bahawa para malaikat akan mengatakan sedemikian, maka Allah s.w.t berkata kepada mereka:

إني خلق بشرا من طين
فاذا سويته ونفخت فيه من روحي فقعوا له ساجدين

Dan Aku jadikannya daripada tanah, apabila Aku sempurnakan (kejadiannya) dan Aku tiupkan itu (malaikat) tersungkur bersujud kepada Adam a.s. merekaruhKu kepadanya maka Maksudnya: dengan bersujud itu merupakan hukuman kepada mereka pada waktu itu, dengan apa yang mereka perkatakan kepadaKu sekarang (AL-Qurtubi, t.th).

Allah telah menjadikan keseluruhan alam semesta untuk berkhidmat kepada manusia sebagai petanda bahawa Allah s.w.t memuliakan mereka. Hal ini dapat dilihat secara jelas daripada banyak ayat al-Quran al-Karim, antaranya yang disebut oleh Allah s.w.t dalam surah Ibrahim, ayat 32:

﴿اللَّهُ الَّذِي خَلَقَ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضَ وَأَنْزَلَ مِنَ السَّمَاءِ مَاءً فَأَخْرَجَ بِهِ مِنَ الثَّمَرَاتِ رِزْقًا لَكُمْ وَسَخَّرَ لَكُمُ الْفُلْكَ لِتَجْرِيَ فِي الْبَحْرِ بِأَمْرِهِ وَسَخَّرَ لَكُمُ الْأَنْهَارَ ﴿٣٢﴾﴾

Terjemahannya: Allah jualah yang menciptakan langit dan bumi, dan menurunkan hujan dari langit lalu mengeluarkan dengan air hujan itu buah-buahan untuk menjadi makanan bagi kamu; dan ia yang memberi kemudahan kepada kamu menggunakan kapal-kapal untuk belayar di laut dengan perintahNya, juga yang memudahkan sungai-sungai untuk kamu (mengambil manfaat darinya).

Manakala dalam surah al-Nahl, ayat 12 hingga 14, Allah s.w.t berfirman:

﴿وَسَخَّرَ لَكُمُ اللَّيْلَ وَالنَّهَارَ وَالشَّمْسَ وَالْقَمَرَ وَالنُّجُومَ مُسَخَّرَاتٍ بِأَمْرِهِ إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَاتٍ لِقَوْمٍ يَعْقِلُونَ ﴿١٢﴾ وَمَا ذَرَأَ لَكُمْ فِي الْأَرْضِ مُخْتَلِفًا أَلْوَانُهُ إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَةً لِقَوْمٍ يَذَّكَّرُونَ ﴿١٣﴾ وَهُوَ الَّذِي سَخَّرَ الْبَحْرَ لِتَأْكُلُوا مِنْهُ لَحْمًا طَرِيًّا وَتَسْتَخْرِجُوا مِنْهُ حَبْلَةً تَلْبَسُونَهَا وَتَرَى الْفُلْكَ مَوَاحِرَ فِيهِ وَلِتَبْتَغُوا مِنْ فَضْلِهِ وَلِعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ ﴿١٤﴾﴾

Terjemahannya: Dan ia memudahkan bagi kamu malam dan siang, dan matahari serta bulan; dan bintang-bintang dimudahkan dengan perintahNya untuk keperluan-keperluan kamu. Sesungguhnya yang demikian itu mengandungi tanda-tanda (yang membuktikan kebijaksanaan Allah) bagi kaum yang mahu memahaminya. dan apa-apa jua yang dijadikan untuk kamu di bumi yang berlainan jenisnya (dimudahkan juga untuk kegunaan kamu). Sesungguhnya yang demikian itu mengandungi satu tanda (yang membuktikan kemurahan Allah) bagi kaum yang mahu mengingati nikmat Allah itu. dan Dia lah yang memudahkan laut, supaya kamu dapat makan daripadanya daging yang lembut hidup-hidup, dan dapat pula mengeluarkan daripadanya benda-benda perhiasan untuk kamu memakainya dan (selain itu) Engkau melihat

pula kapal-kapal belayar padanya; dan lagi supaya kamu dapat mencari rezeki dari limpah kurniaNya; dan supaya kamu bersyukur.

Demikian juga dalam Surah Luqman, ayat 20:

﴿أَلَمْ تَرَوْا أَنَّ اللَّهَ سَخَّرَ لَكُمْ مَّا فِي السَّمَوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ وَأَسْبَغَ عَلَيْكُمْ نِعْمَهُ ظَهْرَهُ وَبَاطِنَهُ وَمِنَ النَّاسِ مَن يُجَادِلُ فِي اللَّهِ بِغَيْرِ عِلْمٍ وَلَا هُدًى وَلَا كِتَابٍ مُّبِينٍ ﴿٢٠﴾

Terjemahannya: Tidakkah kamu memperhatikan bahawa Allah telah memudahkan untuk kegunaan kamu apa yang ada di langit dan yang ada di bumi, dan telah melimpahkan kepada Kami nikmat-nikmatnya yang zahir dan yang batin? Dalam pada itu, ada di antara manusia orang yang membantah mengenai (sifat-sifat) Allah dengan tidak berdasarkan sebarang pengetahuan atau sebarang petunjuk; dan tidak juga berdasarkan mana-mana Kitab Allah yang menerangi kebenaran.

Al-Razi dalam kitab tafsirnya menyebut: Ayat ini bermaksud bahawa Allah s.w.t menjadikan segala apa yang ada di langit untuk manfaat mu, iaitu matahari, bulan, bintang-bintang kesemuanya dijadikan boleh dimanfaatkan dengan perintah daripada Allah s.w.t dan pada hal yang sedemikian akan memberi faedah kepada hambaNya, Allah s.w.t menjadikan segala yang ada di bumi untuk hambaNya, firman Allah:

وَأَسْبَغَ عَلَيْكُمْ نِعْمَهُ ظَهْرَهُ وَبَاطِنَهُ

Iaitu anggotanya yang sempurna. Maksudnya kekuatan dalaman. Iaitu pada setiap anggota zahir itu ada kekuatan dalaman, tidak kita perhatikan bahawa pada mata, telinga, lemak dan tulang rawan, lidah, hidung, daging dan tulang zahir, pada setiap dari anggota tersebut ada fungsi batinnya iaitu melihat, mendengar, merasa, menghidu. Begitu juga pada setiap anggota kadang-kadang fungsi telah hilang tetapi anggota tersebut masih kekal, ini adalah contoh terbaik yang dikatakan dalam hal ini dapat menunjukkan tentang nikmat Allah di muka bumi dan pada diri sendiri. Firman Allah:

مَا فِي السَّمَوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ

Menunjukkan kepada nikmat yang Allah kurniakan di seluruh alam, manakala firmanNya:

وَأَسْبَغَ عَلَيْكُمْ نِعْمَهُ ظَهْرَهُ وَبَاطِنَهُ

Menunjukkan kepada nikmat yang dikurniakan oleh Allah pada diri manusia, pada kedua-duanya banyak pandangan yang dikemukakan dalam kitab tafsir, meskipun apa yang kami nukilkan itu merupakan kata-kata dan pandangan, tetapi jika ia tidak menepati masih lagi dalam lingkungan perkara yang munasabah (al-Razi, t.th). Tidak hairanlah bahawa Islam

memuliakan manusia di muka bumi, dengan kurniaan akal, kemahuan, pertuturan, dan dipermudahkan kepadanya segala kekuatan yang ada dalam alam ini, di samping itu Allah s.w.t, mengurniakan hidayah dengan pengutusan rasul dan penurunan kitab sebagai panduan (Uthman, t.th).

Kesimpulannya, perkara yang paling jelas yang membezakan Islam dengan agama lain adalah dari sudut pengiktirafan terhadap hak manusia, iaitu pengiktirafan kemuliaan manusia dan melebihkannya berbanding makhluk lain, juga menjadikan segala apa yang ada di langit dan di bumi untuk memudahkan manusia memanfaatkannya, juga memilih manusia sebagai khalifah di muka bumi.

v. Kurniaan akal dan ilmu

Al-Quran al-Karim telah menjelaskan tentang kepentingan akal kepada manusia, yang merupakan alat untuk mendapat ilmu pengetahuan, dan manusia akan dipertanggungjawabkan dengan segala hal yang berpunca dari akalnya. Berdasarkan firman Allah dalam surah al-Isra', ayat 36:

﴿وَلَا تَقْفُ مَا لَيْسَ لَكَ بِهِ عِلْمٌ إِنَّ السَّمْعَ وَالْبَصَرَ وَالْفُؤَادَ كُلُّ أُولَئِكَ كَانَ عَنْهُ مَسْ ءٌ وَلَا يُرَىٰ﴾

Terjemahannya: Dan janganlah Engkau mengikut apa yang Engkau tidak mempunyai pengetahuan mengenainya; Sesungguhnya pendengaran dan penglihatan serta hati, semua anggota-anggota itu tetap akan ditanya tentang apa yang dilakukannya.

Imam Shafi'e telah mengaitkan antara taqwa dan akal dengan mengatakan bahawa sesungguhnya taqwa itu hanya ada pada orang yang mempunyai akal dan berakal³² Para mufassirin telah memberikan pelbagai tafsiran berkaitan akal, kedudukan dan perannya secara jelas. Dalam artikel ini dinukilkan beberapa pandangan mufassirin mengenainya. Al-Razi di dalam kitab tafsirnya berkata: Sesungguhnya ilmu itu adalah bersumberkan daripada pancaindera atau daripada akal. Ilmu yang bersumberkan dari akal ada dua kategori, iaitu ilmu yang diberi oleh Allah secara jelas dan tidak memerlukan usaha (badihiah) atau ilmu yang diberi oleh Allah hasil usaha dan ikhtiar manusia. Ilmu aqli yang menyebut tentang 'fu'ad' menunjukkan bahawa segala anggota adalah dipertanggungjawabkan, kerana sesuatu itu hanya sah dipersoalkan dari orang yang berakal sahaja.³³

Al-Quran al-Karim mengambil berat tentang penjagaan terhadap akal dan ia merupakan masalah yang penting dalam agama, lalu disyariatkan hukum untuk memeliharanya. Terdapat banyak dalil-dalil syarak yang menunjukkan tentang seruan supaya menggunakan akal dan berfikir sepertimana dalam firmanNya surah al-Ra`d, ayat 3:

﴿وَهُوَ الَّذِي مَدَّ الْأَرْضَ وَجَعَلَ فِيهَا رَوَاسِيَ وَأَنْهَارًا وَمِنْ كُلِّ الثَّمَرَاتِ جَعَلَ فِيهَا رِجَالًا مُّشْرِبِينَ لِيُعْشَىٰ لِيَلَّ اللَّيْلَ النَّهَارَ
إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَاتٍ لِّقَوْمٍ يَتَفَكَّرُونَ﴾

Terjemahannya: Dan Dia lah yang menjadikan bumi terbentang luas, dan menjadikan padanya gunung-ganang (terdiri kukuh) serta sungai-sungai (yang mengalir). dan dari tiap-tiap jenis buah-buahan, ia jadikan padanya pasangan: dua-dua. ia juga melindungi siang dengan malam silih berganti. Sesungguhnya semuanya itu mengandungi tanda-tanda kekuasaan Allah bagi kaum yang (mahu) berfikir.

Ayat ini seolah-olah Allah s.w.t memberitahu bahawa ruang lingkup berfikir itu terlalu luas, justeru perlu kepada pemerhatian dan penelitian agar dapat memahami apa yang diperhatikan (ibid).

Menurut al-Shawkani dalam tafsirnya: Sesungguhnya Allah s.w.t. menghamparkan muka bumi ini dan meneguhkannya dengan bukit bukau, dan buah-buahan yang berpasangan kurniaan Allah, silih berganti malam dan siang adalah menjadi petanda kekuasaanNya kepada hambaNya yang memerhati, berfikir dan mengambil pengajaran.

Menurut Muhammad Rashid Rida pula, apa sahaja yang diturunkan kepadamu daripada tanda-tanda kebesarannya yang menyempurnakan fitrah manusia dari kehidupan berpasangan-pasangan dan hikmah daripadanya adalah Allah s.w.t. memberi peringatan agar menghimpunkan keduanya, sesungguhnya mengetahui sesuatu berserta hikmahnya akan menatijahkan pengajaran yang akan membangkitkan naluri manusia untuk melaksanakan perintah Allah s.w.t (Rida, 1990) menunaikan yang hak dan keadilan padanya (ibid) sebagaimana gesaan yang terdapat dalam banyak ayat al-Quran al-Karim tentang kepentingan dan peranan akal dalam banyak tempat dalam kitabNya, dan Dia menjelaskan bahawa ayat-ayat dan dalil-dalil adalah ditujukan kepada orang-orang yang berfikir bahawa mereka orang yang menggunakan akal dan mengambil manfaat daripadanya. Terdapat ayat yang berulang-ulang mengenainya dalam beberapa surah dalam al-Quran al-Karim (Rida, t.th).

Allah s.w.t telah mengaitkan ilmu dengan penciptaan, bahkan mendahulukan ilmu daripada penciptaan dalam firmanNya surah al-`Alaq, ayat 1 hingga 5..Ayat ini memberi perhatian supaya manusia yang inginkan kemuliaan kepada dirinya agar dapat belajar, kerana manusia itu hanya akan dimuliakan dengan ilmu. Berkata Imam Ghazali: ilmu adalah merupakan buah akal, (al-Ghazali, 2002) selepas Allah memuliakan manusia dengan memilihnya sebagai khalifah di muka bumi, lalu Dia memujinya dengan dianugerahkan ilmu berdasarkan firman Allah dalam surah al-Baqarah, ayat 31:

(وَعَلَّمَ آدَمَ الْأَسْمَاءَ كُلَّهَا ثُمَّ عَرَضَهُمْ عَلَى الْمَلَكَةِ فَقَالَ أَنْبِءُونِي بِأَسْمَاءِ هَؤُلَاءِ إِنْ كُنْتُمْ صَادِقِينَ ﴿٣١﴾)

Muhammad Rashid Rida dalam tafsirnya mengatakan bahawa Allah s.w.t mengajar Adam a.s. setiap perkara, sama ada sekali gus atau berperingkat, Allah Maha Berkuasa atas segala sesuatu, daya untuk memahami ilmu ini adalah umum kepada semua anak Adam, tidak semestinya anak Adam itu dari hari pertama (kelahirannya), memadailah thabitnya kewujudan daya ini untuk mereka dengan cara mereka mampu memahami sesuatu melalui penyelidikan dan penelitian (al-Maraghi, 1949).

Manakala al-Razi pula mengatakan bahawa ayat ini menceritakan tentang Adam diajar tentang pelbagai jenis ciptaan Allah s.w.t kepadanya, dan diilhamkan oleh Allah s.w.t. zat, ciri-ciri dan nama-nama ciptaan tersebut. Ayat ini menunjukkan tentang kelebihan ilmu, kerana Allah s.w.t menzahirkan kesempurnaan hikmah penciptaan Adam a.s. dengan cara menzahirkan ilmunya. Sekiranya ada suatu perkara lain yang lebih mulia daripada ilmu, nescaya wajib menzahirkan perkara tersebut bukan dengan menzahirkan ilmu (al-Murajalli, 1999).

Al-Maraghi pula mengatakan bahawa hikmah diajar dan dibentangkan kepada malaikat mengenai perkara tersebut adalah sebagai memuliakan Nabi Adam a.s., supaya para malaikat tidak berbangga dengan ilmu dan pengetahuan mereka kepada Nabi Adam a.s., juga adalah untuk menzahirkan rahsia dan ilmu yang tersimpan dalam pengetahuan Allah s.w.t sahaja melalui lisan hambaNya yang dikehendaki (al-Maraghi, 1949).

Oleh kerana ilmu dan daya tanggap itu merupakan rahsia karamah insaniah, maka wajib ke atas manusia menjaga haknya dari sudut karamah, dengan mengikuti jalan yang lurus dan hanya taqwa sahaja yang membezakan seseorang hamba dan takwa juga yang menyempurnakan jiwa, sebagaimana firmanNya:

إن أكرمكم عند الله أتقاكم

Al-Shawkani pula mengatakan bahawa perbezaan kedudukan antara seorang hamba dengan seorang yang lain di sisi Allah s.w.t adalah berdasarkan ketaqwaan yang dimilikinya, sesiapa yang bertaqwa maka dia berhak untuk menjadi lebih mulia daripada orang yang tidak bertaqwa, maka tinggalkan lah sikap suka berbangga-bangga dengan keturunan kerana ia tidak melayakkan seseorang untuk mendapat kemuliaan dan kelebihan.

Al-Razi menambah lagi bahawa ia memberi dua pengertian:

Pertama: Maksudnya sesiapa yang lebih bertaqwa kepada Allah maka akan lebih mulia di sisiNya, kerana taqwa itu akan melayakkan seseorang untuk mendapat kemuliaan. Kedua: Maksud orang yang paling mulia di sisi Allah adalah orang yang paling bertaqwa kerana kemuliaan itu akan mewariskan taqwa (al-Razi, t.th).

Al-Jassas pula menyebut bahawa Allah s.w.t memulakan ayat dengan menyebut tentang penciptaan Adam dan Hawa, kemudian menjadikan mereka berpuak-puak dan berbangsa-bangsa, dan dijadikan perbezaan di antara mereka dari segi rupa bentuk supaya mereka saling berkenalan, yang mana daripadanya dapat menunjukkan tidak ada kelebihan antara satu sama lain dari segi keturunan, kerana kemuliaan itu tidak berhak dengan amalan selainnya, maka Allah s.w.t menerangkan bahawa ianya adalah untuk kita, hal ini ditegaskan dengan firman Allah:

إن أكرمكم عند الله أتقاكم

Lalu dijelaskan bahawa kemuliaan dan ketinggian hanya berhak diperoleh dengan cara

bertaqwa dan mentaati Allah s.w.t (al-Jassas, 1994).

Al-Quran al-Karim telah menggesa supaya berfikir, dan menunjukan percakapan kepada orang-orang yang mempunyai akal, dan menguatkan dengan kemuliaan dan nikmat Akal. Sesungguhnya Allah telah memuliakan manusia dengan ilmu, dan mengangkat darjat para ualama, sehingga digandingkan sebutanNya dan para malaikatNya dalam menyaksikan keesaanNya dan mengakui keadilannya (al-Ghamidi, t.th) sebagaimana dalam firmanNya surah Ali `Imran, ayat 18:

﴿شَهِدَ اللَّهُ أَنَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ وَالْمَلَائِكَةُ وَأُولُو الْعِلْمِ قَابِئًا بِأَلْسِنَتِهِ لَآ إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْعَزِيزُ الْحَكِيمُ ﴿١٨﴾

Terjemahannya: Allah menerangkan (kepada sekalian makhlukNya Dengan dalil-dalil dan bukti), bahawasanya tiada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Dia, Yang sentiasa mentadbirkan (seluruh alam) Dengan keadilan, dan malaikat-malaikat serta orang-orang yang berilmu (mengakui dan menegaskan juga Yang demikian); tiada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan dia; Yang Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana.

Justeru, akal adalah merupakan perkara paling utama sekali yang dimiliki oleh manusia dan dianugerahkan oleh Allah kepada manusia untuk membimbingnya kepada kebaikan dan menjauhkannya dari kejahatan.

Keistimewaan Hak-hak Asasi Manusia (HAM) Menurut Perspektif al-Quran al-Karim

Syariat Islam datang dengan hukum hakam yang memperakui hak-hak insan dan memeliharanya daripada dicerobohi, hak-hak asasi manusia dalam Islam adalah istimewa berbanding yang selain daripadanya. Dalam artikel ini hanya membuat perbandingan antara Islam dengan dua agama samawi lain iaitu agama Yahudi dan Nasrani. Sebagai contoh dalam agama Yahudi, mereka menganggap bahawa bangsa Yahudi adalah yang terbaik: [perbandingan antara bangsa (Yahudi) dengan bangsa lain adalah seumpama perbandingan antara manusia dan haiwan, mukmin dan kafir, bahawa sanya jika Allah s.w.t tidak mencipta bangsa Yahudi, nescaya tidak ada keberkatan di muka bumi ini. Mereka (bangsa Yahudi) adalah bangsa terpilih yang mengatasi semua bangsa yang lain] (al-Muhi, t.th). Keperibadian bangsa Yahudi itu berkembang dalam keadaan penuh kebencian dan dendam dan menghindari segala bentuk kerjasama, kasih-sayang dan kebebasan manusia. Orang Yahudi percaya bahawa roh mereka berasal dari Tuhan sepertimana roh anak adalah berasal dari bapanya. Oleh itu, roh mereka adalah mulia di sisi Allah sedangkan roh bangsa lain adalah roh syaitan atau haiwan (ibid).

Dalam syariat Yahudi terdapat banyak hukum hakam yang amat jauh dari erti kemanusiaan yang telah digariskan oleh Nabi Musa a.s bagi meneguhkan karamah insaniah dan menjaganya daripada sebarang bentuk pencerobohan. Salah satu contoh yang amat jelas yang membuktikan bahawa Yahudi adalah satu bangsa yang tidak mempedulikan orang lain dan menganggap bangsa lain hanyalah satu makhluk yang diciptakan Allah untuk berkhidmat kepada mereka, adalah berkaitan dengan pembunuhan dan peperangan. Antara hukuman tidak berperikemanusiaan yang dikenakan kepada pesalah kes-kes berkaitan adalah hukuman mati,

dibakar hidup-hidup, dilempar dari tempat tinggi, disalib, dibunuh dan digantung dan direjam. Selain itu, terdapat hukuman kejam yang dikenakan kepada haiwan iaitu dengan merejamnya sehingga mati (ibid).

Manakala dalam agama Nasrani pula, jika diteliti kepada syariat asal yang dibawa oleh Nabi Isa a.s jelas menunjukkan bahawa undang-undang yang termaktub amat mementingkan pemuliharaan karamah insaniah. Setiap manusia berhak untuk mendapat penghormatan dan penghargaan. Kekuasaan mutlak adalah milik Allah s.w.t. Dalam syariat Nabi Isa a.s. juga dinyatakan tentang pemisahan antara urusan agama dan urusan duniawi demi untuk menyusun masyarakat manusia (ibid). Bagaimanapun, terdapat banyak teks-teks dalam kitab-kitab Injil yang bertentangan dengan syariat asal ini. Sebagai contoh dalam Injil Luka (12/51) disebut bahawa Nabi Isa mengatakan: “adakah kamu menyangka bahawa aku datang untuk membawa keamanan di muka bumi”. Maka dalam Injil Matius (10/34) pula menyebut “Janganlah kamu menyangka bahawa aku datang untuk membawa keamanan di muka bumi. Aku datang bukan bertujuan untuk membawa keamanan tetapi peperangan. Aku datang untuk memecah belahkan anak dengan bapanya, anak perempuan melawan ibunya, menantu perempuan melawan ibu mertuanya dan ahli rumah bermusuhan (sesama mereka)” (ibid).

Justeru, ternyata Islam merupakan satu-satunya agama samawi yang bersifat syumul dan memenuhi segala keperluan hidup insan di dunia dan akhirat. Antara yang paling jelas adalah:

i. Perintis (Pioneer)

Syariat Islam telah mendahului dalam pengiktirafannya ke atas hak-hak asasi manusia dan memperakui bahawa hak-hak asasi manusia itu adalah termasuk dalam kewajipan yang perlu dipatuhi, iaitu sesiapa yang menunaikannya akan diganjar dan mencuaikannya akan dihukum. Sedangkan hak-hak asasi yang dilaungkan dalam perjanjian-perjanjian antarabangsa hanya muncul pada zaman moden ini.

Perbincangan mengenai hak-hak manusia dalam Islam telah pun wujud sejak 14 kurun yang silam. Rasulullah s.a.w. telah mengisytiharkan piagam pertama bagi hak-hak manusia dalam haji wada'. Imam al-Ghazali mengatakan bahawa perkara terakhir yang dicita-citakan dalam isu kemanusiaan dan jaminan penjagaan kemuliaan manusia merupakan sesuatu yang telah diwujudkan dalam Islam, pengisytiharan yang dibuat oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) tentang hak asasi manusia merupakan pengulangan biasa kepada pesanan mulia daripada Rasulullah s.a.w. yang diterima oleh orang Islam (al-Ghazali, 2005). Mudah-mudahan perkembangan yang paling penting yang berlaku pada peringkat antarabangsa berkaitan hak-hak asasi manusia adalah dibina oleh PBB terhadap hak manusia di mana prinsip karamah insaniah merupakan salah satu tujuan utama yang diperjuangkan oleh PBB selepas perang dunia yang mengakibatkan kerosakan dan pencerobohan terhadap karamah insaniah.

ii. Sumber

Syariat Islam adalah bersumberkan daripada Allah s.w.t. (Audah, t.th). kerana agama itu adalah daripada Allah s.w.t. Syariat Islam telah datang secara sempurna untuk memenuhi kehendak manusia tidak perlu kepada pindaan, sedangkan perjanjian antarabangsa adalah

daripada manusia yang memerlukan pindaan dari semasa ke semasa (Ibrahim, 2001).

Sumber hak asasi manusia dalam Islam adalah wahyu, iaitu al-Quran al-Karim dan Sunnah. Ia diasaskan atas tauhid kepada Allah s.w.t dan merupakan akar tunjang bagi semua hak dan kewajipan. Ini adalah kerana Allah menciptakan manusia itu bebas, dan Dia inginkan manusia bebas, dan memerintahkan supaya manusia memelihara hak-hak yang disyariatkan, dan menjaga serta mengamalkannya secara iltizam, dan mempertanggungjawabkan untuk berjihad pada jalanNya dan mempertahankan syariatNya serta menegah dari mencerobohnya. Hak asasi manusia dalam Islam adalah bebas dari sebarang cacat cela kekurangan, kejahilan dan hawa nafsu (Qutb, 1997). Firman Allah dalam surah al-An`am, ayat 38:

﴿وَمَا مِنْ دَابَّةٍ فِي الْأَرْضِ وَلَا طَيْرٍ يَطِيرُ بِجَنَاحَيْهِ إِلَّا أُمٌّ أَمْثَالِكُمْ مَّا فَرَقْنَا فِي الْكِتَابِ مِنْ شَيْءٍ نُمُّ إِلَى رَبِّهِمْ يُحْشَرُونَ﴾^{٤٣٨}

Apabila nilai-nilai yang dibentuk dalam hak-hak manusia adalah bersumberkan daripada luar dari manusia, dari pencipta yang mengetahui hal ehwal manusia, yang maha suci dari segala kekurangan dan kesilapan, yang bersifat dengan segala sifat kesempurnaan maka manusia akan bersedia untuk menerimanya kerana dapat merasakan kesamarataan dan keadilan dalam pelaksanaannya. Lebih-lebih lagi menghormati dan beriltizam dengannya akan menjadi sempurna dengan dorongan dalaman dan pertimbangan sendiri kerana mereka percaya bahawa apa yang disyariatkan oleh Allah s.w.t yang maha mengetahui yang sembunyi dan yang nyata, dan yang menghitung setiap yang mencuaikannya dan mencerobohnya, juga adanya syariat yang dapat menjelaskannya, dan hukuman bagi yang mencerobohnya, dengan itu akan lahir sifat qana`ah dari dalam diri dan diganjar dengannya, memelihara syariat yang ditetapkan dan hukuman bagi pelakunya.

Bagaimanapun, sekiranya nilai-nilai tersebut dibuat oleh manusia itu sendiri, kemungkinan besar akan berubah kepada menjadikannya sebagai wahana untuk menguasai, bermegah-megah dan menakluk. Ini adalah kerana manusia itu sekalipun cuba sedaya upaya untuk bersikap berkecuali tetapi mereka tetap akan terkesan hasil pengaruh didikan, masyarakat, kabilah, puak, parti politik, dan hawa nafsunya. Tambahan pula, usia dan ilmunya yang terbatas tidak memungkinkan dia mengetahui segala yang berlaku pada masa sekarang dan akan datang. Manusia hanya melihat sesuatu pada satu waktu yang mana mungkin ia tidak melihatnya pada waktu lain.

Hak asasi manusia dalam Islam adalah bersumberkan wahyu dan hubungannya dengan Allah s.w.t adalah hubungan akidah berbanding dengan hak asasi ciptaan manusia yang sudah pasti tunduk kepada tabiat dan akal manusia semata-mata dan prinsip-prinsip keadilan yang lahir hasil perjanjian masyarakat dan lain-lain yang hanya diakui oleh akal barat semata-mata. Hal inilah yang menjadikan hak-hak ini statik dan tematik, iaitu demi untuk menjaga dan memelihara iman. Ia difokuskan kepada dasar yang tetap dalam hati manusia yang dengannya akan melayakkan manusia mendapat penghormatan dan penghargaan sesama mereka, sebagaimana firman Allah dalam surah al-Nahl, ayat 90 dan surah al-Nisa' ayat 58.

﴿إِلَّا الَّذِينَ يَصِلُونَ إِلَى قَوْمٍ بَيْنَكُمْ وَبَيْنَهُمْ مَبِيتٌ أَوْ جَاءُوكُمْ حَصِرَتْ صُدُورُهُمْ أَنْ يُقَاتِلُوكُمْ أَوْ يُقَاتِلُوا قَوْمَهُمْ وَلَوْ شَاءَ اللَّهُ لَسَلَّطَهُمْ عَلَيْكُمْ فَلَقَاتِلُوكُمْ فَإِنْ اُعْتَزَلُوكُمْ فَلَمْ يُقَاتِلُوكُمْ وَالْقَوَا إِلَيْكُمْ السَّلَامُ فَمَا جَعَلَ اللَّهُ لَكُمْ عَلَيْهِمْ سَبِيلًا ﴿٩٠﴾

Terjemahannya: Sesungguhnya Allah menyuruh berlaku adil, dan berbuat kebaikan, serta memberi bantuan kepada kaum kerabat; dan melarang daripada melakukan perbuatan-perbuatan yang keji dan mungkar serta kezaliman. ia mengajar kamu (dengan suruhan dan laranganNya ini), supaya kamu mengambil peringatan mematuhiNya.

﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُكُمْ أَنْ تُؤَدُّوا الْأَمَانَاتِ إِلَىٰ أَهْلِهَا وَإِذَا حَكَمْتُمْ بَيْنَ النَّاسِ أَنْ تَحْكُمُوا بِالْعَدْلِ إِنَّ اللَّهَ نِعِمَّا يَعِظُكُمْ بِهِ إِنَّ اللَّهَ كَانَ سَمِيعًا بَصِيرًا ﴿٥٨﴾

Terjemahannya: Sesungguhnya Allah menyuruh kamu supaya menyerahkan segala jenis amanah kepada ahlinya (yang berhak menerimanya), dan apabila kamu menjalankan hukum di antara manusia, (Allah menyuruh) kamu menghukum dengan adil. Sesungguhnya Allah dengan (suruhanNya) itu memberi pengajaran yang sebaik-baiknya kepada kamu. Sesungguhnya Allah sentiasa Mendengar, lagi sentiasa Melihat.

Adapun mengaitkan hak-hak asasi manusia dengan undang-undang tabi'i menjadikannya tunduk kepada penilaian individu yang akan mengikatnya dengan kemaslahatan negara atau masalah pemimpin tanpa melihat kepada penilaian tematik yang berkaitan dengan pengakuan hak-hak dan kewajipan. Justeru, isi perjanjiannya adalah khusus untuk menjaga hak-hak yang dijamin oleh undang-undang Negara.

iii. Ketekalan

Syariat Islam adalah berasaskan manhaj rabbani yang merupakan manhaj yang tekal dan sesuai sepanjang zaman untuk diikuti dan digunapakai oleh manusia. Hal ini dinyatakan dalam firman Allah daripada surah al-Ma'idah, ayat 3:

﴿الْيَوْمَ أَكْمَلْتُ لَكُمْ دِينَكُمْ وَأَتَمَمْتُ عَلَيْكُمْ نِعْمَتِي وَرَضِيْتُ لَكُمُ الْإِسْلَامَ دِينًا فَمَنِ اضْطُرَّ فِي مَخْمَصَةٍ غَيْرٍ مُتَجَانِفٍ لِإِثْمِهِ فَإِنَّ اللَّهَ غَفُورٌ رَحِيمٌ ﴿٣﴾

Terjemahannya:pada hari ini, Aku telah sempurnakan bagi kamu ugama kamu, dan Aku telah cukupkan nikmatKu kepada kamu, dan Aku telah redakan Islam itu menjadi ugama untuk kamu....

Adapun perjanjian persetujuan antarabangsa adalah hasil ciptaan manusia, yang bersifat sementara untuk masyarakat tertentu sahaja yang berguna untuk mengatur kehidupan semasa sahaja (al-Juhani,2000). Manakala syariat Islam menganggap bahawa semua manusia adalah

satu umat, dan hak-hak asasi adalah untuk setiap manusia sepanjang zaman.

iv. Jaminan Penjagaan dan Jelas

Syariat Islam telah menjaga hak dengan memberi jaminan individu dan masyarakat. Dengan memerintahkan prinsip amar makruf nahi mungkar dan prinsip tanggungjawab kehakiman (al-Zihar, 1994). Syariat Islam menganggap bahawa mencero bohi hak adalah termasuk dalam jenayah, yang mengakibatkan hukuman tertentu yang telah ditetapkan oleh Allah s.w.t, serta dijelaskan hokum umum dan khusus, dan diharamkan sesiapa yang mencero bohinya, dan ditetapkan konsep dan batasan hak-hak manusia yang dapat menjaga karamah insaniah yang dapat menjaga hak dan kebebasannya. Sedangkan sebahagian hak-hak manusia dalam persetujuan antarabangsa masih lagi tidak mengiktiraf karamah insaniah atau kaedah memeliharanya dalam undang-undang tempatan dan antarabangsa masih lagi kabur.

Islam telah memperakui tanggungjawab individu, iaitu manusia itu adalah tumpuan taklif dan tanggungjawab, berdasarkan firman Allah dalam surah al-Ahzab ayat 72.

﴿إِنَّا عَرَضْنَا الْأَمَانَةَ عَلَى السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَالْجِبَالِ فَأَبَيْنَ أَنْ يَحْمِلْنَهَا وَأَشْفَقْنَ مِنْهَا وَحَمَلَهَا الْإِنْسَانُ إِنَّهُ كَانَ ظَلُومًا جَهُولًا﴾^(٧٢)

Terjemahannya: Sesungguhnya Kami telah kemukakan tanggungjawab amanah (Kami) kepada langit dan bumi serta gunung-ganang (untuk memikulnya), maka mereka enggan memikulnya dan bimbang tidak dapat menyempurnakannya (kerana tidak ada pada mereka persediaan untuk memikulnya); dan (pada ketika itu) manusia (dengan persediaan yang ada padanya) sanggup memikulnya. (ingatlah) Sesungguhnya tabiat kebanyakan manusia adalah suka melakukan kezaliman dan suka pula membuat perkara-perkara yang tidak patut dikerjakan.

Seorang manusia yang baik itu adalah yang menjaga hak-hak. Islam memperakui penjagaan hukum (qadha'), ia merupakan perkara utama yang menjadi kewajipan negara dalam menjaga hak manusia dari dicero bohi, iaitu dengan mendamaikan permusuhan (Ibn Khaldun, 2000).

v. Pengawasan Kendiri

Islam memupuk manusia supaya mengawasi dan muhasabah diri. Seorang mukmin yang mengetahui haknya dan hak orang lain akan menunaikannya kerana mengharap pahala dan redha Allah s.w.t. yang akan menambah jaminan kerana ia diperakui oleh Allah s.w.t. dengan anggapan bahawa mencero bohinya adalah merobohkan hakikat iman⁶¹. Dengan sifat pengawasan ini akan menjaga individu dan masyarakat dari jenayah dan pencerobohan.

Islam menegaskan bahawa setiap individu bertanggungjawab terhadap dirinya sepertimana firman Allah dalam surah al-Nisa', ayat 110-111.

﴿وَمَنْ يَعْمَلْ سُوءًا أَوْ يَظْلِمْ نَفْسَهُ ثُمَّ يَسْتَغْفِرِ اللَّهَ يَجِدِ اللَّهَ غَفُورًا رَحِيمًا ۝ وَمَنْ يَكْسِبْ إِثْمًا فَإِنَّمَا يَكْسِبُهَا

عَلَىٰ نَفْسِهِ ۗ وَكَانَ اللَّهُ عَلِيمًا حَكِيمًا ﴿١١١﴾

Terjemahannya: Dan sesiapa yang melakukan kejahatan atau menganiaya dirinya sendiri (dengan melakukan maksiat) kemudian ia memohon ampun kepada Allah, nescaya ia akan mendapati Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani. Dan sesiapa yang mengerjakan sesuatu dosa maka sesungguhnya ia hanya mengerjakannya untuk (menjadi bala bencana yang) menimpa dirinya sendiri. dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana.

Ia menunjukkan bahawa tanggungjawab individu terhadap apa yang telah dilakukannya, dan perakuan wujudnya ganjaran individu bagi yang melakukan sesuatu amalan dan tidak akan melibatkan individu lain, sedangkan perjanjian persetujuan antarabangsa hanyalah terdapat terma-terma yang diawasi oleh bahagian undang-undang yang berada di bawah kekuasaan pemerintah dan kekangan undang-undang semata-mata.

KESIMPULAN

Daripada ayat-ayat al-Quran al-Karim dan hadith yang dinyatakan, jelas menunjukkan prinsip karamah insaniah adalah merupakan keistimewaan kurniaan Allah s.w.t. sebagai manifestasi kepada pengiktirafan HAM dalam Islam. Bahkan, Islam mengiktiraf HAM semenjak bermulanya kewujudan manusia, iaitu daripada penciptaan Nabi Adam a.s. Asas-asas karamah insaniah dicerakin daripada ayat 70, surah al-Isra', iaitu pengiktirafan secara umum terhadap kemuliaan setiap anak Adam, tanpa mengira agama, keturunan, bangsa, warna kulit, taraf hidup dan sebagainya yang berkaitan dengan manusia. Sebagai perincian dan penegasan kepada pengiktirafan tersebut, Allah s.w.t. menjelaskan lagi bahawa Dia menyediakan untuk manusia segala kemudahan untuk mengenderai kenderaan di lautan dan di daratan. Sebagai pelengkap kepada kehidupan manusia, Allah memuliakan mereka dengan mengurniakan rezeki yang baik buat mereka.

Manakala manifestasi HAM yang terzahir melalui prinsip karamah insaniah daripada beberapa ayat-ayat terpilih menunjukkan lima (5) perkara, iaitu melalui penerangan tentang asal usul kejadian manusia dan pemilihannya sebagai khalifah untuk memakmurkan bumi, diciptakan oleh Allah s.w.t. sebagai makhluk terbaik, pemilihan manusia sebagai penyampai risalah Islam, malaikat bersujud kepada Nabi Adam a.s. dan pemanfaatan seluruh alam kepada manusia, juga kurniaan akal dan ilmu kepada manusia. Selain itu, al-Quran al-karim juga membuktikan bahawa HAM dalam Islam adalah istimewa berbanding HAM yang dicanangkan dalam undang-undang antarabangsa mahupun agama samawi yang lain. Hal ini kerana HAM dalam Islam adalah merupakan perintis bagi semua HAM yang dibincangkan oleh manusia daripada segenap lapisan dan bangsa. Keistimewaan lain adalah kerana sumber HAM dalam Islam adalah daripada pencipta segala makhluk yang Maha Mengetahui segala keperluan makhluk ciptaanNya dengan menyediakan syariat yang tekal, jelas serta menjaga hak setiap anak Adam. Dalam masa yang sama, syariat Islam juga memupuk sikap refleksi diri dalam diri setiap anak Adam dan akan melahirkan sifat suka membuat penambahbaikan berterusan demi menunaikan hak terhadap diri sendiri, hak terhadap Allah dan hak terhadap sesama manusia lain.

RUJUKAN

- Abdullah Basmih (1996). Tafsir Pimpinan Rahman Kepada Pengertian al-Quran al-Karim. cet.13. Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri.
- Anwar alBaz (2007). al-Tafsir al-Tarbawi li al-Quran al-Karim. j.2. Mesir: Dar al-Nashr li al-Jami`at.
- `Audah, `Abd al-Qadir(TT). al-Islam wa Awda`una al-Qanuniyyah. Kaherah: al-Mukhtar al-Islami.
- al-Bukhari (1999). Sahih al-Bukhari. Kitab al-Jumu`ah. Bab Man Qama li Jinazah Yahudi. j.2. no. 1312.Madinah al-Munawwarah : Dar Tuq al-Najat
- al-Ghazali, Muhammad bin Muhammad Abu Hamid (2002). Ihya' `Ulum al-Din, j.1, Beirut: Dar al-Ma`rifah.
- al-Ghazali, Muhammad (2005). Huquq al-Insan Bayn Ta`alim al-Islam wa `Ilan al-Umam al-Muttahidah, Kaherah : Dar al-Nahdah.
- Hasanayn, `Ali (1971). Riqabah al-Ummah `ala al-Hukkam. Beirut: al-Maktab al-Islami.
- al-Haqil, Sulaiman(1946). Huquq al-Insan fi al-Islam. Riyad : al-Mumtaz li al-Tiba`ah.
- Ibn.Kathir, Isma`il (2002). Tafsir al-Quran al-`Azim. j.5. Kaherah: Dar al-Hadith.
- Ibn Khaldun(2000). Muqaddimah Ibn Khaldun. Mesir : Dar Ya`rib.
- Ibrahim, `Ali (2001). Huquq al-Insan wa al-Tadakkhul li Himayah al-Insaniyyah. Mesir : Dar al-Nahdah al-Arabiyyah. Mesir.
- al-Jassas , Ahmad bin `Ali Abu Bakr al-Razi (1994). Ahkam al-Quran. Tahqiq : `Abd al-Salam Muhammad `Ali Shahin. j.5. Lubnan : Dar al-Kutub al-`Ilmiyyah.
- al-Juhani, `Ali (2000). al-Himayah al-Amaniyyah li Huquq al-Insan. j.2. Riyad : Akademiyah Nayif.
- al-Maraghi, Ahmad Mustafa (1949). Tafsir al-Maraghi. j.1. Mesir : Matba`ah Mustafa al-Babi al-Halabi.
- al-Muhi, `Abd Razzaq Solah.(t.t) Huquq al-Insan fi al-Adyan al-Samawiyyah, TTP: Dar al-Manahij,
- al-Mutajalli, Muhammad. (1999). al-Hurriyat wa al-Huquq fi al-Islam. Mekah al-Mukarramah : Rabitah al-`Alam al-Islami.
- al-Qaradawi, Yusuf (1983). al-Khasa'is al-`Ammah li al-Islam. cet.2.Mesir: Maktabah Wahbah.
- _____ (1999). Kayf Nata`amal Ma`a al-Quran al-`Azim. Mesir : Dar al-Syuruq.
- al-Qattan, Manna` (1997). al-Tasyri` wa al-Fiqh fi al-Islam. Mesir : Maktabah Wahbah.
- al-Qurtubi, Abu `Abd Allah Hamd bin Ahmad.(1997).al-Jami` li Ahkam al-Qur'an. Jj.1,9,10,14,17. Riyad: Dar `Alim al-Kutub
- Qutb, Sayyid (1997). Khasa'is Tasawwur al-Islami.Mesir : Dar al-Syuruq.
- _____ (1999). Fi Zilal al-Quran.j.4. Kaherah : Dar al-Syuruq.
- al-Razi, Abu Abd Allah Muhammad (1994). al-Tafsir al-Kabir.Jj.1,2,8,9,10,12,14. Lubnan : Dar al-Kutub al-`Ilmiyyah.
- Rida, Muhammad Rashid (1990). Tafsir al-Manar. Jj.1,2,8,9. Mesir: Dar al-Hai`ah al-Misriah al-`Ammah li al-Kitab.
- al-Shafi`e, Muhammad bin Idris (1994). Ahkam al-Quran. j.1. cet.2. Kaherah : Maktabah al-Khanji.
- al-Shawkani, Muhammad bin `Ali (1994). Fath al-Qadir.j.3,7. Beirut: Dar al-Fikr.
- Salih, Muhammad (2002). Huquq al-Insan fi al-Quran wa al-Sunnah. Jeddah: Jami`ah al-Imam Muhammad bin Su`ud.
- Shaltut, Mahmud (1959). al-Islam Aqidah wa Syariah. Kaherah: Matbu`ah al-Azhar.

- Uthman, Muhammad Fathi(1983).Huquq al-Insan Bayn al-Syari`ah al-Islamiyyah wa al-Fikr wa al-Qanun al-Gharbiyy.Mesir : Dar al-Fikr.
- al-Zihar, Riwayah (1994).Huquq al-Insan fi al-Islam. Riyad : Wakalah al-Farazdaq.
- al-Zuhaily, Muhammad (1997). Huquq al-Insan fi al-Islam. Damsyik: Dar Ibn Kathir.
- al-Zuhaily, Wahbah(1998). al-Tafsir al-Munir fi al-Aqidah wa al-Syari`ah wa al-Manhaj, j.15
30, Damsyiq: Dar al-Fikr.
- _____ (1989), al-Fiqh al-Islami wa Adillatuhu, j. 6, Damsyik: Dar al-Fikr.
- _____ (2000). al-Tafsir al-Wasit.j.1,22. Damsyik : Dar al-Fikr.